

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 4 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

Kapten Azahari Bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai cadangan meneruskan semula pembinaan lima stesen Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang telah dibatalkan sebelum ini termasuk pecahan kos sebanyak RM4.7 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, peruntukan tambahan sebanyak RM 4.7 bilion bagi tujuan pengembalian skop projek LRT Laluan Shah Alam (LRT3) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2024.
2. Cadangan projek ini akan merangkumi butiran-butiran seperti:
 - i) Pembinaan lima (5) stesen iaitu Tropicana, Temasya, Raja Muda, Bukit Raja dan Bandar Botanik termasuk sistem sokongan kepada 5 stesen ini seperti sistem bekalan dan pengagihan kuasa elektrik, dan sistem komunikasi kawalan termasuk pengurusan teknologi maklumat;
 - ii) Perolehan tambahan set tren dan kerja-kerja pembesaran depoh tren di Johan Setia, Klang;
 - iii) Kos-kos lain yang berkaitan dengan pengembalian skop yang melibatkan pengambilan tanah, faedah kewangan, cukai, duti, kos pengurusan projek, jurutera perunding dan sebagainya; dan
 - iv) Lain-lain kos termasuk kos "*Independent Checking Engineer – ICE*", pengurusan projek, yuran kepada Pihak Berkuasa Tempatan & penyedia perkhidmatan, cukai dan duti, faedah semasa pembinaan, insuran dan yuran guaman.
3. Perincian kos bagi setiap butiran masih belum dimuktamadkan dan sedang diperhalusi oleh pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.